

## **Impak pelancongan gunung terhadap komuniti gunung di Malaysia: Satu tinjauan literatur**

### **ABSTRAK**

Sejak kebelakangan ini, pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan berkembang dengan pesat di seluruh dunia termasuk negara Malaysia. Malaysia berpotensi besar untuk membangunkan pelancongan gunung di peringkat antarabangsa kerana mempunyai bentuk muka bumi bergunung-ganang yang unik di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pelbagai aktiviti dan produk pelancongan ditawarkan bagi memenuhi kepelbagaian minat dan permintaan pelancong di kawasan pergunungan. Pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan juga diiktiraf sebagai salah satu strategi paling efisien dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti di kawasan pedalaman dan terpencil. Pembangunan pelancongan gunung sangat penting kerana kebanyakan komuniti gunung dikenal pasti sebagai golongan masyarakat yang miskin dan paling terpinggir di dunia. Oleh itu, pelancongan gunung tentulah memberi impak yang besar kepada komuniti gunung kerana kawasan pergunungan adalah sangat sensitif kepada sebarang bentuk gangguan. Impak terhadap komuniti gunung terbahagi kepada dua perspektif iaitu positif dan negatif bergantung pada hasil dan manfaat yang diperolehi mereka. Ringkasnya, tujuan penulisan tinjauan literatur ini adalah untuk mengenal pasti impak pelancongan gunung ke atas ekonomi, sosial dan budaya komuniti yang tinggal di kawasan pergunungan di Malaysia. Artikel ini turut membincangkan tentang takrifan pelancongan gunung dan komuniti gunung. Selain itu, pola dan lokasi pelancongan gunung di Malaysia juga dibincangkan secara ringkas. Perbincangan ini penting kerana dalam konteks pelancongan di Malaysia, istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh penyelidik tempatan. Penulisan tinjauan literatur ini menggunakan kaedah meninjau bahan literatur secara sistematik. Tinjauan literatur ini diharap dapat meningkatkan lagi pemahaman tentang ruang lingkup pelancongan gunung di Malaysia.